Publication: Berita Harian, p 2 Date: 13 November 2015

Headline: 3 students received inaugural Mercu-SMU Scholarship

3 pelajar penerima sulung Biasiswa Mercu-SMU

PELAJAR Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Khairul Ashraf Khairul Anwar (tiga dari kiri), Cik Nur Amalina Saparin (bertudung) dan Encik Muhammad Hafiz Kasman (dua dari kanan) merupakan penerima sulung satu biasiswa baru di universiti itu.

Biasiswa Kecemerlangan Mercu-SMU bernilai \$1.2 juta itu disasarkan kepada pelajar Melayu SMU yang mempunyai pencapaian akademik cemerlang serta mempunyai rekod kegiatan ko-kurikular atau penglibatkan khidmat masyarakat yang baik.

Dana itu ditubuhkan dengan sumbangan daripada Mercu Learning Point, anak syarikat Angkatan Karyawan Islam (AMP), dua karyawan Singapura, serta tokokan dari-



pada pemerintah.

Majlis pelancaran biasiswa itu turut dihadiri (dari kiri) Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad; Pengerusi Mercu Learning Point, Encik Azmi Muslimin; Menteri Perhubungan dan Penerangan, Dr Yaacob Ibrahim; dan Presiden SMU, Profesor Arnoud De Meyer. – Foto ZAINAL YAHYA